Wahai Rasulullah, tiada dosa kecil mahupun besar yang tidak aku lakukan. Baginda bersabda: «Bukankah kamu bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah?

Daripada Anas رضي الله عنه, beliau berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi ﷺ lalu berkata: Wahai Rasulullah, tiada dosa kecil mahupun besar yang tidak aku lakukan. Baginda bersabda: «Bukankah kamu bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah?» sebanyak tiga kali. Dia menjawab: “Ya.” Baginda bersabda: «Maka sesungguhnya ia akan menghapuskan semua itu.»

[صحيح] [رواه أبو يعلى والطبراني والضياء المقدسي]

Seorang lelaki datang kepada Nabi صلى الله عليه وسلم lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah melakukan segala dosa dan maksiat, dan tidak aku tinggalkan dosa yang kecil mahupun yang besar melainkan aku telah melakukannya, maka adakah aku akan diampuni?” Maka Nabi ﷺ bersabda kepadanya: "Bukankah engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah?" Dia mengulangkannya kepadanya sebanyak tiga kali, Maka dia menjawab: "Ya, aku bersaksi," Maka Nabi ﷺ memberitahunya tentang kelebihan dua kalimah syahadah dan pengguguran dosa-dosa olehnya, dan bahawa taubat menghapuskan dosa-dosa yang telah lalu.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65006